



Sidang maya, kongsi ilmu tanpa sempadan

LAPORAN akhbar *The Times* minggu lalu menyuarakan analisis bisnes menyentuh keadaan ekonomi Amerika Syarikat dan Britain yang dikatakan masih berada pada tahap kemelesetan yang teruk. Dengan pertumbuhan ekonomi hanya 3.5 peratus daripada Julai sehingga September 2009, catatan itu adalah antara paling buruk dalam sejarah kemelesetan Amerika dalam tempoh 70 tahun ini, namun ia masih dikatakan antara yang terbaik berbanding negara Barat lain seperti Britain.

Kemelesetan kali ini nampaknya dirasai bukan saja oleh masyarakat yang berfungsi sebagai pengguna aktif dalam sesebuah sistem ekonomi, malah turut membabitkan peruntukan pembiayaan calon doktor falsafah di sesetengah universiti di Britain.

Sungguhpun benar peruntukan ini dipengaruhi oleh perbezaan jumlah calon pengajian dalam sesebuah fakulti, umumnya pihak fakulti menyentuh dan tidak menafikan pengaruh kemelesetan hari ini terhadap landskap pembiayaan. Kebelakangan ini, isu itu menjadi rungutan sesetengah pensyarah dan profesor universiti di Britain.

Umumnya, perkara ini disedari penganjur persidangan di serata dunia. Dalam kekurangan dan tekanan ini, mereka berusaha memikirkan langkah untuk terus menggabungkan sarjana seluruh dunia dalam sesuatu persidangan demi kelestarian perkongsian ilmu tanpa sempadan. Dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi dan pastinya dengan mengeksploit teknologi internet, banyak bentuk reformasi yang tidak pernah terfikir sebelum ini, kini mula dilaksanakan dan diletakkan sesetengahnya dalam tempoh percubaan dari segi keberkesanan teknologinya serta kesan terhadap aliran perbincangan persidangan keseluruhannya.

Misalnya satu persidangan yang bakal berlangsung di Nevada, Amerika Syarikat minggu ini menawarkan pembentangan bentuk virtual yang tidak memerlukan pembentang menghadiri persidangan itu. Cukup dengan menghantar kertas kerja dan pembentangan berbentuk 'power point' serta membayar sejumlah yuran yang jauh lebih rendah berbanding pembentang yang menghadiri persidangan, kita sudah dikira sebagai seorang pembentang.

Mekanismenya mudah tetapi menarik. Pembentang perlu bersiap pada waktu sebenar persidangan dijalankan tidak kira di mana pembentang berada dan bersedia untuk menjawab sebarang soalan dikemukakan secara online menerusi Skype. Skype adalah satu program yang membolehkan penggunaanya bersembang di alam maya secara percuma dan jika sebelum ini penggunaan Skype banyak dikaitkan dengan bentuk perbualan kurang formal, hari ini nampaknya Amerika menjadikan ia alternatif menarik untuk tujuan berkongsi ilmu, sekali gus mengurangkan beban kewangan pembentang yang tidak berkesempatan melakukan pembentangan secara fizikal.

Satu lagi persidangan pada tahun depan di Cambridge, Britain juga nampaknya mula menawarkan

pilihan pembentangan secara virtual dalam laman web persidangan dan turut mencadangkan mekanismenya yang tersendiri. Persidangan ini mencadangkan agar semua pembentang yang terpilih menyediakan video pembentangan mereka dan menyediakan arahan lain serta kemudahan teknikal berkaitan untuk membantu pembentang menyalurkan video terbabit melalui YouTube yang seterusnya boleh diakses oleh semua pembentang dan delegasi persidangan itu.

Pengalaman lain berkaitan pembentangan virtual menyimpulkan bahawa kebanyakan penganjur persidangan kewartawanan di negara selain Amerika dan Britain masih kurang menggunakan internet untuk tujuan pembentangan virtual. Sepanjang pemerhatian saya, belum ada penganjur persidangan di luar Britain dan Amerika, memberi pilihan jelas untuk membentang secara virtual dalam laman web mereka.

Lalu apa yang saya lakukan ialah mencadangkan kepada pihak penganjur kebanyakannya mengaplikasikan kaedah ini setelah abstrak yang dihantar diterima pihak penganjur. Jika bernasib baik, ada penganjur bersetuju dan ada kalanya mereka tidak mengenakan sebarang yuran langsung kepada pembentang. Antaranya ialah satu persidangan yang berlangsung bulan lalu di Moscow, Russia dan satu lagi pada Januari 2010 di Amerika.

Senario di Barat ini secara tidak langsung menunjukkan dua perkara penting. Pertama, dalam keadaan kemelesetan ekonomi seluruh dunia hari ini, kita perlu respons secara positif untuk tidak terus menjadikan kemerosotan sebagai alasan untuk tidak produktif berkongsi ilmu. Kedua, di sinilah kebijaksanaan manusia teruji untuk kreatif menggunakan pelbagai kemudahan yang ada dengan kemudahan internet sebagai medium berkuasa dunia keluar daripada landasan yang

membabitkan penggunaan internet hanya kepada aktiviti kurang bermanfaat.

Dalam hal ini, boleh dikatakan negara Barat bijak mengeksploit teknologi dalam kegawatan yang dalam kata lain boleh dicontohi bahagian lain di dunia. Mungkin penganjur persidangan di Malaysia boleh mengambil contoh ini untuk melebarkan penyertaan pada peringkat antarabangsa dalam persidangan yang dianjurkan.

Malah, trend hari ini juga menunjukkan sesi penting seperti sesi ucaptama oleh sarjana terkenal dalam sesuatu bidang itu turut mula dijalankan secara virtual, dengan menyiarkan video ucapan itu secara langsung dan interaksi dengan peserta persidangan boleh dijalankan secara langsung setelah ucaptama berakhir. Dengan aplikasi baru terhadap teknologi sedia ada, tidak keterlaluan jika dikatakan ia merangsang kreativiti manusia ke arah perkongsian ilmu yang lebih sejagat.

Penulis adalah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang melanjutkan pelajaran peringkat Doktor Falsafah dalam bidang kewartawanan di Nottingham Trent University, United Kingdom.

“*Misalnya satu persidangan yang bakal berlangsung di Nevada, Amerika Syarikat minggu ini menawarkan pembentangan bentuk virtual yang tidak memerlukan pembentang menghadiri persidangan itu. Cukup dengan menghantar kertas kerja dan pembentangan berbentuk 'power point' serta membayar sejumlah yuran yang jauh lebih rendah berbanding pembentang yang menghadiri persidangan, kita sudah dikira sebagai seorang pembentang*”